



**KENYATAAN MEDIA  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**KENYATAAN PRESIDEN CUEPACS MENGENAI KETUA JABATAN  
PERLU JAGA INTEGRITI**

---

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis merujuk kepada kenyataan yang dibuat oleh Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Y.Bhg Dato' Hj Adnan Bin Mat seperti dilaporkan media pada 23 Jun 2022. Pentadbiran ini memandang serius kenyataan yang dibuat oleh Presiden CUEPACS melibatkan penjawat awam dan ketua jabatan di Negeri Perlis. Pihak CUEPACS telah dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung kenyataan media tersebut namun sehingga kini tiada sebarang maklumat balas diterima. Pentadbiran ini berharap pihak CUEPACS dapat menyalurkan segala maklumat berkaitan dengan segera agar tindakan sewajarnya dapat diambil.

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang salah laku atau tindakan tidak berintegriti oleh penjawat awam termasuk ketua jabatan yang berkhidmat di Negeri Perlis. Sekiranya dakwaan salah laku tersebut disokong oleh bukti yang kukuh, tindakan sewajarnya akan diambil selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) Negeri Perlis 1993 atau mana-mana peraturan yang berkuat-kuasa tanpa sebarang kompromi.

Semua pihak termasuk penjawat awam disarankan agar membuat laporan salah laku oleh mana-mana penjawat awam termasuk ketua jabatan dengan menggunakan saluran aduan yang betul. Ini bagi membolehkan tindakan pantas dan tuntas dapat diambil. Sebarang laporan salah laku oleh penjawat awam termasuk ketua jabatan di Negeri Perlis boleh juga disalurkan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri melalui emel [hasnol@perlis.gov.my](mailto:hasnol@perlis.gov.my) atau boleh dialamatkan terus kepada:

YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis,  
Aras 2, Kompleks Dewan Undangan Negeri,  
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar

**YB Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis**  
25 Jun 2022